

Bil. S 1

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA IKHTISAS PEGUAM (PINDAAN), 2013

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran.
 2. Pindaan bab 6 dari Penggal 132.
 3. Pindaan bab 7.
 4. Pindaan bab 8.
 5. Pindaan bab 9.
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH ANTI IKHTISAS PEGUAM (PINDAAN), 2013

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Ikhtisas Peguam (Pindaan), 2013.

Pindaan bab 6 dari Penggal 132.

2. Bab 6 dari Akta Ikhtisas Peguam, dalam Perintah ini disebut sebagai Akta itu, adalah dipinda —

(a) dalam cerai (1), dengan memasukkan “, Persatuan” sejurus selepas “Peguam Negara” dalam baris keempat;

(b) dalam cerai (2), dengan memasukkan “Persatuan” sejurus selepas “Peguam Negara,” dalam baris pertama;

(c) dalam cerai (4), dengan memasukkan “, Persatuan” sejurus selepas “Peguam Negara” dalam baris pertama dan ketiga.

Pindaan bab 7.

3. Bab 7 dari Akta itu adalah dipinda —

(a) dalam cerai (2) —

(i) dengan memasukkan “, dalam masa 3 hari genap dari dokumen-dokumen itu difailkan di pejabat Ketua Pendaftar,” sejurus selepas “hendaklah” dalam baris kelima;

(ii) dengan memasukkan “Persatuan,” sejurus selepas “Peguam Negara,” dalam baris keenam;

(b) dengan memasukkan tiga cerai baru yang berikut sejurus selepas cerai (2) —

“(2A) Jika Peguam Negara, Persatuan atau mana-mana orang lain yang disampaikan dengan permohonan itu bertujuan hendak

membantah mana-mana usul pemula, maka hendaklah disampaikan kepada pemohon, tidak kurang dari 3 hari genap sebelum hari yang ditetapkan bagi perbicaraan usul pemula itu, atau tempoh yang lebih pendek sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh Hakim, suatu notis bantahan yang dinyatakan di dalamnya secara ringkas alasan bantahan.

(2B) Mana-mana notis bantahan itu hendaklah difailkan di pejabat Ketua Pendaftar pada bila-bila masa sebelum hari yang ditetapkan bagi perbicaraan usul pemula itu.

(2C) Tidaklah perlu bagi Peguam Negara, Persatuan atau mana-mana orang lain yang disampaikan dengan permohonan itu untuk diwakili dalam perbicaraan mana-mana usul pemula melainkan jika Peguam Negara, Persatuan atau orang lain itu bertujuan hendak membantah usul pemula itu.”.

Pindaan bab 8.

4. Bab 8 dari Akta itu adalah dipinda, dalam cerai (2), dengan memotong “office of Chief Registrar” dan menggantikannya dengan “Chief Registrar’s office”.

Pindaan bab 9.

5. Bab 9 dari Akta itu adalah dipinda —

(a) dalam cerai (1), dengan memasukkan “, Persatuan” sejurus selepas “Peguam Negara” dalam baris ketiga;

(b) dalam cerai (3), dengan memasukkan “, Persatuan” sejurus selepas “Peguam Negara” dalam baris keempat.

Diperbuat pada hari ini 4 haribulan Rabiulawal, Tahun Hijrah 1434 bersamaan dengan 16 haribulan Januari, 2013 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM